

1,000 keluarga terjejas akibat banjir kilat

BALIK PULAU 13 Okt. - Hampir 1,000 keluarga di daerah ini terjejas teruk akibat banjir kilat yang melanda beberapa kawasan ekoran pertembungan fenomena hujan lebat dan air laut pasang besar sejak awal pagi ini.

Berikutan kejadian itu, kesemua mangsa ditempatkan di pusat pemindahan sementara di balai raya dan juga masjid berhampiran sebelum dibenarkan pulang ke rumah masing-masing sebaik air banjir surut.

Timbalan Menteri Kesihatan yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, kawasan kampung yang terjejas dalam kejadian itu dilengkapi sistem saliran yang baik namun pertembungan air laut dan air hujan menyebabkan air melimpah keluar.

"Sekiranya hujan biasa, kawasan

ini tidak akan dinaiki air kerana mempunyai sistem saliran yang baik, namun hujan hari ini bertembung dengan fenomena air laut pasang besar menyebabkan berlakunya limpahan air.

"Bantuan segera seperti makanan telah diberikan kepada semua mangsa terlibat sementara menanti banjir kembali surut lewat petang ini," katanya kepada pemberita selepas melawat mangsa banjir kilat berkenaan hari ini.

Sebanyak enam buah kampung di kawasan Balik Pulau iaitu Kampung Betong, Kampung Pinang Nirai, Kampung Genting, Kampung Terang, Jalan Bharu dan Kampung Permatang Tengah terjejas teruk manakala di kawasan Teluk Kumbar pula hanya Kampung Masjid yang terjejas.

Paras air di kawasan berkenaan

mula melimpah kira-kira pukul 6.30 pagi dan paras tertinggi dicatatkan hampir satu meter.

Sementara itu, seorang suri rumah yang juga peniaga nasi lemak, **Zainab Hussin**, 59, berkata, banyak peralatan rumahnya rosak akibat banjir termasuk barangan persiapan untuk menyambut Hari Raya Aidiladha yang bakal disambut Selasa ini.

"Semasa kejadian mak cik keluar berniaga. Bila balik mak cik tengok air sudah melimpah hingga ke jalan raya dan satu apa pun tak dapat diselamatkan," katanya.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Seri Balik Pulau, **Norasikin Md. Isa** pula berkata, pihaknya menerima panggilan daripada penduduk pada pukul 9.18 pagi memaklumkan air sudah memenuhi jalan raya dan rumah mereka.



PENDUDUK Kampung Pulau Betong terpaksa meneruskan hidup seperti biasa walaupun rumah mereka dilanda banjir pagi semalam. - BERNAMA